

04 FEB 2002

Mahathir-Perdagangan/I

MALAYSIA TIADA NIAT JAHAT TERHADAP AS

Oleh: Salmy Hashim

EMBARGO: Untuk siaran pada 5 Feb, pukul 1.30 pagi)

NEW YORK, 5 Feb (Bernama) -- Malaysia tidak menyimpan sebarang niat jahat terhadap Amerika Syarikat, pelabur dan rakan dagangnya yang terbesar, dan mahu AS terus makmur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli-ahli perniagaan Amerika di sini.

"Tetapi, apabila AS mengalami kelembapan ekonomi, kami menderita. Kami sedang menderita sekarang," kata Perdana Menteri pada majlis makan tengah hari Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia anjuran ASLI.

Pelaburan AS di Malaysia menguasai 20 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing, manakala perdagangan pula merupakan 20 peratus daripada keseluruhan perdagangan Malaysia dan ini cukup besar bagi sebuah negara yang penduduknya berjumlah 24 juta orang.

"Satu-satunya perkara yang boleh menghentikan penderitaan ekonomi kami ialah kemakmuran AS dan semua negara rakan perdagangan kami. Itulah sebabnya kami menolak pemikiran 'Miskinkan Jiran Anda' dan sebaliknya berpegang kepada dasar 'Makmurkan Jiran Anda'," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tetap yakin bahawa Malaysia boleh pulih tahun ini dengan kadar pertumbuhan yang berpatutan.

"Daripada segi politik, kami stabil dan kami tidak seteruk negara-negara yang menerima bantuan dan nasihat daripada agensi-agensi antarabangsa," katanya dalam ucapannya bertajuk 'Mengekalkan Keamanan dan Kestabilan di Tengah-Tengah Kegawatan Serantau dan Ketidak Tentu Global: Pengalaman Malaysia.'

Dr Mahathir memberi jaminan kepada pelabur-pelabur Amerika bahawa walaupun Malaysia merupakan sebuah negara Islam dengan majoriti penduduknya beragama Islam, namun "ia bukanlah negara pengganas."

Beliau mengakui bahawa negara ini mempunyai pembangkang daripada kalangan orang Islam, malah segelintir pelampau Islam dan bukan Islam yang berhasrat merosakkan kestabilan negara.

"Tetapi, Malaysia telah berupaya menguruskan mereka ini secara berkesan melalui undang-undang dan kaedah yang kini diterima pakai oleh banyak negara bebas."

Beliau menegaskan bahawa Malaysia telah mengadakan 10 pilihan raya dalam 44 tahun yang lalu dan pihak pembangkang menguasai dua daripada 13 buah negeri.

Kata Dr Mahathir, beliau percaya bahawa Malaysia boleh terus menikmati kestabilan melalui pendekatannya sendiri.

"Kami telah mengambil keputusan untuk mengadakan perkongsian kuasa di kalangan kaum. Kami percaya adalah jauh lebih baik mempunyai 10 peratus sesuatu daripada langsung tiada apa-apa. Jika suatu pihak cuba merebut segala-galanya, ketidak stabilan yang timbul akibat itu akan merosakkan ekonomi sehinggakan si tamak yang merebut segala-galanya itu mendapati tiada apa lagi yang hendak direbut."

Bercakap tentang ekonomi, beliau berkata, walaupun Malaysia yakin bahawa Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah sedia untuk menjadi pusat industri teknologi maklumat terkemuka, namun memandangkan ia berhadapan dengan ketidak tentuan yang lebih hebat dan persaingan yang lebih sengit, kerajaan telah mengambil keputusan untuk memulihkan semula bidang-bidang pertumbuhan tradisi.

"Kami memberi tumpuan khusus kepada sektor perkhidmatan dan pertanian."

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan AS, Thomas J Donohue, yang

menemui Dr Mahathir sehari sebelum ini, menyanjung sokongan Malaysia terhadap usaha memerangi keganasan.

Donohue memberitahu pemberita bahawa beliau telah membincangkan pelbagai isu perniagaan dengan Dr Mahathir termasuklah peningkatan perdagangan dua hala, pelancongan, tekstil dan teknologi pertanian.

Katanya, Dr Mahathir tetap yakin bahawa ekonomi AS akan pulih "tetapi saya tidak tahu berapa lama lagi."

-- BERNAMA

SH MR KY OS MOZ